



KENYATAAN MEDIA

PROGRAM PEMULIHARAAN IKAN KELISA EMAS (*MALAYSIAN GOLD*) DI TASIK BUKIT MERAH, PERAK

1. Program Pemuliharaan Ikan Kelisa Emas yang diadakan di Tasik Bukit Merah ini merupakan **langkah pertama ke arah pemuliharaan Ikan Kelisa Emas Malaysia**. Beberapa kawasan di tasik ini akan dijadikan santuari ikan Kelisa Emas dan akan dikawal serta memberi manfaat kepada komuniti perikanan setempat melalui aktiviti pelancongan. Program Pemuliharaan ikan kelisa merupakan satu cara untuk memberitahu kepada dunia mengenai program-program yang dilaksanakan oleh negara dalam memastikan ikan kelisa tidak pupus di perairan umum. Ianya merupakan salah satu promosi untuk meneroka pasaran baru termasuk di Eropah, Amerika Syarikat dan Asia Barat.
2. Jabatan Perikanan Malaysia (DOF) telah membangunkan **Pelan Pengurusan Dan Pemuliharaan Ikan Kelisa Emas Tasik Bukit Merah** sejak tahun 2009. Objektif utama Pelan ini adalah untuk mengekalkan dan melindungi sumber semulajadi Ikan Kelisa Emas dan habitatnya. Tasik Bukit Merah pula kaya dengan kepelbagai spesies flora dan fauna dan hasil kajian terdapat 38 spesies ikan asli di tasik tersebut dan **satu-satunya tempat pembiakan semulajadi ikan Kelisa Emas (*Malaysian Gold*) di dunia**.
3. Kelisa Emas (*Malaysian Gold*) yang berasal dari Tasik Bukit Merah dan Sungai Kerian merupakan **ikan yang dilindungi dan termasuk di dalam senarai Lampiran I, Akta 686 (Akta Perdagangan Antarabangsa Mengenai Spesies Terancam) 2008**. Sebanyak **60 buah ladang ikan kelisa yang telah berdaftar** di bawah CITES untuk kebenaran eksport.

4. Malaysia merupakan antara negara pengeluar ikan hiasan tropikal terbesar dunia. Pada 2016, **Industri Akuakultur Malaysia telah menghasilkan sebanyak 402 juta ekor ikan hiasan** dan 339 juta ikat tumbuhan akuatik dengan nilai keseluruhan RM671 juta. Malaysia juga berada di **kedudukan ke lapan (8) pengeksport ikan hiasan utama** dunia dengan nilai sebanyak **RM 56 juta**.

5. **Ikan Kelisa (*Scleropages formosus*)** dari famili Osteoglossids merupakan di antara penyumbang utama nilai pengeluaran dan eksport negara. Jumlah pengeluaran ikan ini pada 2016 sebanyak **565,379 ekor dengan nilai RM37 juta**. Sebanyak **138,226 ekor (24%) daripadanya adalah dieksport**. **70% pasaran eksport ikan kelisa adalah ke negara China (98,016 ekor)**.

6. Ikan kelisa hanya boleh dieksport ke China setelah menjalani tempoh kuarantin 6 bulan. Ini bermakna ikan yang bersaiz 6 inci ke atas sahaja yang boleh dieksport ke Negara China. Semakin besar ikan yang dieksport, semakin tinggi kos ternakan dan kos penghantaran. Keperluan penternak dan industri untuk mencari **pasaran baru** amat penting bagi memastikan kelangsungan pasaran eksport ikan kelisa negara.

###

**Tasik Bukit Merah,
Bagan Serai, Perak**

31 Oktober 2018 (Rabu) jam 2:30 petang